

**Pegangan Ekuiti Bumiputera Sentiasa Ditingkatkan - Shafie Bernama
02 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Kerajaan sentiasa mengambil berat ekonomi Bumiputera dalam perkembangan ekonomi negara secara menyeluruh dan pegangan ekuiti golongan itu sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Shafie Apdal berkata Majlis Pembangunan Bumiputera yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sedang merangka beberapa inisiatif ke arah itu, di samping pelbagai usaha lain yang sedang dilakukan oleh kerajaan.

"Kita yakin ianya bukan hanya akan memastikan penyertaan ekuiti Bumiputera dapat ditingkatkan, malahan yang sedia ada pun akan mendapat kejayaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan portal Biro Usahawan dan Pemantapan Ekonomi Pergerakan Puteri Umno Malaysia (Bupem) di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) di sini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan wakil Pergerakan Puteri Umno Jamilah Hanim Othman semasa menyokong usul ekonomi di Perhimpunan Agung Umno 2011, di sini hari ini mengenai kerisauannya mengenai pegangan ekuiti Bumiputera amat lemah di mana dalam 100 syarikat utama di Bursa Malaysia hanya sembilan buah syarikat atau sembilan peratus sahaja yang dimiliki Bumiputera.

Sementara daripada lebih 1,000 syarikat di Bursa Malaysia hanya 43 buah syarikat atau 0.043 peratus dikawal oleh Bumiputera.

Shafie berkata kerajaan lebih memandang kepada kualiti usahawan Bumiputera, daripada kuantiti bagi memastikan usahawan Bumiputera tidak berada dalam tempoh yang seketika sahaja dalam bidang perniagaan.

"Kita hendak mereka membesar sebagai usahawan sehingga ke pentas antarabangsa," katanya dan menambah, bahawa sektor penerokaan petroleum merupakan sektor yang diberi penekanan oleh kerajaan, di samping sektor perladangan dan pembangunan hartanah.

Mengenai cadangan Jamilah agar Skim Usahawan Bumiputera Pertama bagi membantu usahawan muda diwujudkan dengan menggunakan dana daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Tekun Nasional, beliau berkata kerajaan akan mengkaji secara serius mengenainya.

"Ini satu pandangan yang baik, kementerian akan mengkaji perkara ini dengan serius bagaimana untuk kita dapat menterjemahkannya jadi satu kenyataan dan bagaimana ianya akan dapat penyertaan daripada golongan-golongan muda dalam bidang keusahawanan dan perniagaan," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631510>

